

28 MAY 2002

SIME DARBY-BMW/I

BMW HANYA MAHU AMBIL SEMULA HAK BORONG DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Bavaria Motor Works (BMW) AG hanya berminat untuk mengambil semula hak borong Sime Darby Bhd untuk mengedar kereta-keretanya di Malaysia, kata ketua eksekutif kumpulan Sime Darby, Tan Sri Nik Mohamed Yaacob.

Ini bermakna yang Sime Darby, yang pada masa ini turut memegang hak dalam peruncitan dan pemasangan kereta-kereta BMW, akan meneruskan dengan aktiviti-aktiviti ini.

"Isu hari ini sebenarnya ialah mengenai francais Malaysia, di mana BMW telah menyatakan yang ia mahu mengambil balik hak borong francais berkenaan," kata beliau pada persidangan akhbar di sini hari ini.

Nik Mohamed berkata yang perbincangan antara Sime Darby dan BMW masih lagi berlangsung dan ini ialah supaya kedua-dua boleh mencapai kata sepakat yang tidak merugikan sesiapa.

Beliau berkata yang BMW telah memberi jaminan yang ia tidak akan mengambil alih hak-hak francais Sime Darby di Singapura, Hong Kong dan China.

"Tidak langsung disebut mengenai pengambilalihan francais-français di Singapura, Hong Kong ataupun China," kata beliau.

Nik Mohamed berkata dengan kehilangan hak borong berkenaan, ia akan menyebabkan pengurangan ketara margin Sime Darby di Malaysia.

Ditanya mengapa BMW mahu menguasai hak-hak Sime Darby di Malaysia sahaja, Nik Mohamed berkata yang beliau percaya BMW melihat Malaysia sebagai sebuah kawasan pertumbuhan yang amat menggalakkan.

"Malaysia merupakan sebuah pasaran yang berkembang. Pendaftaran kereta kami merupakan yang tertinggi di rantau ini dan angka ini terus meningkat. Pertumbuhan ialah sesuatu yang paling orang idam-idamkan dan Malaysia selalu dianggap sebagai sebuah kawasan pertumbuhan," kata beliau.

Nik Mohamed juga berkata yang Singapura dan Hong Kong pula disifatkan sebagai pasaran yang matang dan pertumbuhan kenderaan boleh terbatas.

Pada bulan Mac tahun ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan di Berlin yang BMW telah membuat keputusan untuk mewujudkan pejabat serantau Asia di Malaysia.

Keputusan ini sekali gus menandakan yang BMW mungkin mahu memainkan peranan yang lebih besar di dalam pengedaran kereta-keretanya di Malaysia yang sebaliknya pula merugikan Sime Darby.

Sime Darby merupakan syarikat induk Tractors Malaysia Bhd, yang memiliki Auto Bavaria Bhd, pemegang francais tempatan untuk kereta-kereta BMW. -- BERNAMA

LES FR AA